

**Bengkel  
Perkasakan  
Kendiri**

muka3

**Malam  
Anugerah  
Kepimpinan  
Pelajar**

muka5

**Jom  
Kenal  
Yakult**

muka5

**Kejohanan  
Sukan  
Pantai  
MASUM**

muka8



# samudera

**Universiti Malaysia Terengganu**  
21030 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, Malaysia.

www.umt.edu.my Bersama Membangun Universiti Malaysia Terengganu



EDISI

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

FEBRUARI 2012

BIL:35

ISSN 2229 - 8363

## Hampir 7000 Mahasiswa UMT Terima BB1M

2012

**AKHBAR  
BULANAN  
UMT**

Malaysia

تقويم  
تقويم: كوالا تيرنجانو، مانانق  
بهران / تاجون: مارچ 2012

Tarikh	Hari	Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Maghrib Isyak
01-02-2012	Wednesday	6:05	7:24	13:23	16:44	19:19 20:31
02-02-2012	Thursday	6:05	7:24	13:23	16:44	19:19 20:31
03-02-2012	Friday	6:05	7:24	13:23	16:44	19:20 20:31
04-02-2012	Saturday	6:05	7:24	13:24	16:44	19:20 20:31
05-02-2012	Sunday	6:05	7:24	13:24	16:44	19:20 20:32
06-02-2012	Monday	6:05	7:24	13:24	16:44	19:20 20:32
07-02-2012	Tuesday	6:05	7:24	13:24	16:44	19:20 20:32
08-02-2012	Wednesday	6:05	7:24	13:24	16:44	19:21 20:32
09-02-2012	Thursday	6:05	7:24	13:24	16:44	19:21 20:32
10-02-2012	Friday	6:06	7:24	13:24	16:44	19:21 20:32
11-02-2012	Saturday	6:06	7:24	13:24	16:44	19:21 20:32
12-02-2012	Sunday	6:06	7:24	13:24	16:44	19:21 20:32
13-02-2012	Monday	6:05	7:24	13:24	16:44	19:21 20:32
14-02-2012	Tuesday	6:05	7:23	13:24	16:44	19:21 20:32
15-02-2012	Wednesday	6:05	7:23	13:24	16:43	19:21 20:32
16-02-2012	Thursday	6:05	7:23	13:24	16:43	19:22 20:32
17-02-2012	Friday	6:05	7:23	13:24	16:43	19:22 20:32
18-02-2012	Saturday	6:05	7:23	13:24	16:43	19:22 20:32
19-02-2012	Sunday	6:05	7:22	13:24	16:42	19:22 20:32
20-02-2012	Monday	6:05	7:22	13:24	16:42	19:22 20:32
21-02-2012	Tuesday	6:05	7:22	13:23	16:42	19:22 20:32
22-02-2012	Wednesday	6:05	7:22	13:23	16:41	19:22 20:32
23-02-2012	Thursday	6:04	7:21	13:23	16:41	19:22 20:32
24-02-2012	Friday	6:04	7:21	13:23	16:41	19:22 20:32
25-02-2012	Saturday	6:04	7:21	13:23	16:40	19:22 20:32
26-02-2012	Sunday	6:04	7:21	13:23	16:40	19:22 20:31
27-02-2012	Monday	6:04	7:20	13:23	16:39	19:22 20:31
28-02-2012	Tuesday	6:03	7:20	13:22	16:39	19:22 20:31
29-02-2012	Wednesday	6:03	7:20	13:22	16:39	19:22 20:31
31-10-2011	Monday	5:35	6:53	12:53	16:13	18:50 20:01



oleh: Nursyafiza bt Ramli

**UMT**, 7 Februari- Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia hanya Allah yang tahu. Baucar Buku 1Malaysia yang diterima oleh mahasiswa UMT merupakan suatu rezeki pemberian kerajaan dalam membantu meringankan beban pelajar untuk membeli bahan ilmiah untuk tujuan pembelajaran.

Pemberian baucar telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran dan Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia, Ahmad Razif Abd. Rahman. Beliau berharap agar pelajar dapat memanfaatkan baucar buku berkenaan dengan membeli buku yang berfaedah dan tidak bertindak menjual baucar tersebut.



## Sidang **Redaksi**

### **PENAUNG**

Naib Canselor UMT  
YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman

### **PENASIHAT**

Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim

### **PENGERUSI**

Ketua Penerbit  
Prof. Madya Dr. Aziz Ahmad

### **EDITOR EKSEKUTIF**

Azlan Mohd Dahari

### **KETUA JAWATANKUASA MEDIA**

Aliashim bin Albani

### **TIMBALAN KETUA JAWATANKUASA MEDIA**

Siti Norbakyah binti Jabar

### **KETUA PENGARANG**

Fadhilatunnisaq Hassan AlShaari

### **EDITOR KANAN**

Nursyafiza binti Ramlan

### **EDITOR**

Ahmad Anwar Sauqie b. Mohd Ghani  
Normardiana bt. Muhammad Jaafar

### **PENGURUS WARTAWAN**

Nurul Asikin bt. Kasmin

### **REKA LETAK**

Adli Hashim

### **KARTUNIS**

Adli Hashim

### **JURUFOTO**

### **LENSA UMT**

Mokhtar Ishak  
Adli Hashim

### **PEMBACA PRUF**

Nor Hafizah Arifin

### **WARTAWAN**

Nursyafiza bt Ramlan  
Yusrina Omar  
Normardiana bt Mohammad Jaafar  
Sharizad Nabilla bt Sari  
Najib Mohd Nasir  
Nurul Najihah bt Busra  
Hazzira Tarmuzi  
Nurul Amirah Fuzi

# Bicara

## Ketua Pengarang

### **Secawan Kopi Pagi**

*Assalamualaikum dan  
salam sejahtera*

**S**elamat kembali ke UMT kepada rakan-rakan Ijazah setelah sebulan bercuti dan selamat meneruskan perjuangan kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain. Tidak lupa juga ucapan selamat menjalani Latihan Industri kepada rakan-rakan yang sedang berpraktikal dari bulan Januari hingga Julai. Buat julung kalinya, UMT memperkenalkan tempoh 6 bulan menjalani Latihan Industri sejajar dengan matlamat UMT untuk mengeluarkan produk yang berkualiti dan mampu berdaya saing dengan dunia luar serta mengurangkan bilangan pengangguran dalam negara kita. Musim panas kembali semula dan akan melancarkan perjalanan program-program yang telah dirancang pada semester ini. Marilah kita sama-sama mengimarahkan majlis dan program yang dianjurkan bagi membina jati diri dan melahirkan mahasiswa yang lebih proaktif. Mahasiswa/i kini perlu mencari dan merebut peluang yang ada dan

bukan alasan semata-mata untuk kita membina dan memantapkan nilai insaniah diri bagi menempuhi cabaran dunia sebenar. Dunia kampus adalah dunia sementara sahaja dan kita perlu sedar akan hakikat dunia masa kini memerlukan kita bersaing antara satu sama lain untuk mencari sesuap nasi. Dengan berakhirnya majlis tahunan MAKEP yang gilang gemilang pada 25 Februari yang lalu maka akan berakhirhlah program yang dianjurkan oleh tampuk kepimpinan MPP

sesi 2011/12, dan barisan kepimpinan bagi setiap kelab sesi 2011/2012. Diharapkan program yang telah dilaksanakan akan menjadi pencetus semangat baharu kepada bakal pemimpin akan datang untuk menjayakan program yang lebih berprestij. Bak kata pepatah Melayu, yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan. Beli keladi di Pekan Lidup, Sayang rasa lemaknya kurang, Taburlah budi ketika hidup, Kelak jasa dikenang orang.

Akhir kalam, Selamat Maju Jaya dari kami Skuad Wartawan Samudera UMT.

Sekian.

Ketua Pengarang,

**FADHILATUNNISAQ BT HASSAN ALSHAARI**





# Hari Keluarga MAPEM

(Kelab Mahasiswa Pengurusan Maritim)

oleh: Sharizad Nabilla binti Sari

UMT- Kelab Mahasiswa Pengurusan Maritim telah berjaya mengadakan satu program yang dikenali sebagai "Program Jom Kenal MAPEM dan sambutan hari keluarga MAPEM (MAFDA)" pada 8 dan 9 Disember yang lalu.

Program ini telah dirasmikan oleh Dekan FMSM iaitu Prof. Dato' Dr. Saharuddin bin Abdul Hamid. Beliau berpesan kepada semua pelajar tahun 1 agar lebih bijak dan kreatif dalam menguruskan sesuatu program supaya ia berjalan lebih baik pada masa akan datang. Beliau juga berharap agar program seperti ini terus dijalankan bagi Kelab MAPEM. MAPEM telah berjaya

menjalankan program seperti ini pada setiap tahun. Antara objektif program ini ialah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara mahasiswa dengan para pensyarah Jabatan Pengurusan Maritim, memberi pendedahan kepada pelajar tahun 1 mengenai aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab MAPEM serta memberi peluang dan ruang kepada ahli untuk mengasah dan mengembangkan bakat yang ada.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli MAPEM walaupun ada di antara mereka sibuk dengan tugas dan tanggungjawab lain.

Terdapat pelbagai aktiviti yang telah dijalankan, antaranya ialah senamrobik sihat MAPEM, *explorace*, sukaneka di Pantai UMT dan BBQ bersama pelajar MAPEM. Melalui aktiviti tersebut telah menyingkap keceriaan mahasiswa MAPEM dalam menjayakan program tersebut.

Perasmian penutup telah disempurnakan oleh En. Madzli Harun selaku pensyarah di Jabatan Pengurusan Maritim (JPM). Beliau juga telah berjaya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam pertandingan yang telah dianjurkan oleh pihak penganjur program.



Peserta Explorace MAPEM



BBQ di pantai UMT



Sukaneka di pantai UMT- Gelagat pelajar tahun 1

## Bengkel Memperkasakan Kendiri Unggul JPM (Jabatan Pengurusan Maritim)



oleh: Nursyafiza binti Ramlan

UMT: Pada 16 dan 17 Disember 2011, dengan kerjasama Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin dan juga INComS, Jabatan Pengurusan Maritim (JPM) telah mengadakan satu bengkel memperkasakan kendiri unggul untuk pelajar tahun akhir Jabatan Pengurusan Maritim di Bilik Seminar INOS. Program ini melibatkan 108 orang pelajar tahun 3 Sarjana Muda Pengurusan (Maritim).

Bengkel memperkasakan kendiri unggul 2011 ini khusus diadakan bagi pelajar tahun III, Sarjana Muda Pengurusan (Maritim). Lanya bertujuan untuk memperkasakan sahsiah, mengukuhkan semangat berpasukan dan kepimpinan serta meningkatkan kebolehan berkomunikasi di kalangan pelajar.

Program ini dimulakan dengan taklimat akhir latihan industri oleh Y.Bhg. Datin Norhayati bt Hj. Shariff selaku penyelarar latihan industri FMSM. Mahasiswa yang terlibat telah diberikan pendedahan dan input-input mengenai situasi dan keperluan sebenar semasa menjalani latihan industri nanti.

Pada 17 Disember 2011, bengkel ini diteruskan oleh En. Osman Affan, pemilik Syarikat Osman Affan SmartStudy & Consultant dalam memberi motivasi dan maklumat yang berguna kepada peserta yang terlibat. Bengkel ini telah dibahagikan kepada enam Slot iaitu 'Membina Personaliti Unggul Mahasiswa Mahasiswi Cemerlang', 'Sikap, Kendiri dan Penampilan Diri', 'Sikap dan

Gaya Penyelesaian Masalah dalam Pasukan, Berkomunikasi di atas Kertas dan Media', 'Budaya kerja Profesional melalui Bahasa dan Gaya Komunikasi Berkesan' dan 'Keyakinan Diri Bercajak di hadapan Khalayak Ramai'.

Setiap slot mempunyai matlamat tersendiri dan mampu memberi impak yang baik kepada para peserta. Dengan penyampaian penceramah yang baik disertakan dengan aktiviti yang menarik, para peserta secara tidak langsung dapat memperoleh maklumat yang berguna untuk diadaptasikan semasa menjalani latihan industri nanti. Para peserta juga turut diberikan pendedahan rohaniah dalam bengkel ini.

# Postharvest ke Beryl's dan Yakult



Gembira....bergambar di depan Kilang Beryl's

oleh: Nurul Najihah bt Busra

Negeri Sembilan - 25 November 2011, Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai) tahun 3 telah menyertai lawatan akademik ke kilang chocolate Beryl's di Seri Kembangan dan kilang minuman Yakult di Nilai, Negeri Sembilan. Lawatan ini adalah di bawah subjek Analisis Keselamatan Makanan dalam Produk Pertanian bimbingan Cik Roshita Ibrahim. Ia bertujuan mendedahkan para pelajar tentang keselamatan makanan serta analisis dan ujian-ujian penentuan di dalam produk pertanian dengan menggunakan kaedah-

kaedah dan peralatan tertentu.

Sebagaimana yang kita tahu, coklat adalah makanan istimewa yang diproses dan dibuat dari pokok koko. Pokok koko berasal dari hutan Amazon, merupakan pokok malar hijau dalam keluarga cola. Coklat adalah campuran koko panggang, mentega koko dan gula halus. Gabungan unik vitamin, mineral dan nutrien lain yang dijumpai dalam biji koko mempunyai kesan yang positif bagi minda dan badan. Pada masa yang sama coklat dapat mengurangkan keletihan dan stres. Dengan nilai kalori yang tinggi dalam

jumlah yang kecil, koko dan coklat mengandungi tahap tenaga sayur yang tinggi.

Lawatan sebegini dapat mendedahkan para pelajar untuk mengenal pasti sebatian kimia, mikroorganisma, logam berat dan bendasing dalam produk makanan dan mengetahui produk tersebut selamat untuk dimakan. Melalui lawatan ini juga kita dapat menambahkan lagi pengetahuan tentang cara dan pemrosesan sesuatu produk makanan itu dihasilkan secara praktikal, sejajar dengan matlamat negara menjadikan penuntut IPT yang berilmu.

# Malam Anugerah Kepimpinan Pelajar (MAKEP)

oleh: Normardiana bt Mohammad Jaafar

Malam Anugerah Kepimpinan Pelajar (MAKEP) merupakan acara yang sering dinanti-nantikan oleh mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu. Bagi mereka yang bergiat aktif dalam aktiviti di universiti malam ini merupakan malam kemuncak yang akan mengiktiraf penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti kampus. MAKEP diperkenalkan seiring dengan hasrat universiti untuk memperkasakan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di UMT berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2009.

Antara tujuan MAKEP diadakan adalah:

a) Mengiktiraf dan menghargai kejayaan individu dalam pengurusan organisasi serta pelaksanaan program atau aktiviti pelajar.

b) Mengiktiraf peranan individu yang berjaya memanfaatkan secara positif ruang dan peluang yang disediakan oleh universiti dalam pelaksanaan program atau aktiviti pelajar.

c) Menyegarkan lagi budaya penyertaan secara proaktif di kalangan pelajar UMT.

d) Melahirkan graduan yang berwibawa, berdaya saing dan memiliki kebolehpasaran kerja berdasarkan pengalaman dalam aktiviti pelajar.

Terdapat sepuluh kategori yang dipertandingkan pada malam tersebut. Antaranya Anugerah Program Terbaik mengikut kategori, Anugerah Pengarah Program Terbaik, Anugerah Program Terbaik Keseluruhan,

Anugerah Kelab Terbaik mengikut Kategori, Anugerah Jasa Bakti Kelab, Anugerah Publisiti dan Multimedia Kelab Terbaik, Anugerah Kelab Terbaik Keseluruhan Piala Timbalan Naib Canselor, Anugerah Khas MPP, Anugerah Catalia Kreatif dan Anugerah Tokoh Kepimpinan Pelajar.

KRITERIA-KRITERIA UMUM PEMENANG ANUGERAH

Pemenang anugerah yang dipilih mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

a) Pelajar UMT yang berdaftar sepenuh masa dan menyertai mana-mana badan pelajar UMT mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009).

b) Pelajar yang memainkan peranan secara aktif dan holistik dalam pelaksanaan aktiviti/program yang disertai.

c) Pelajar yang dikenal pasti memberi komitmen tinggi kepada universiti, masyarakat kampus, komuniti luar, agama, bangsa dan negara.

d) Pelajar yang memperolehi pencapaian cemerlang secara berterusan dan seimbang di bidang akademik dan kokurikulum.

KRITERIA-KRITERIA PEMILIHAN PEMENANG ANUGERAH

a) Dianugerahkan kepada mana-mana pelajar yang berperanan aktif, kreatif dan inovatif dari segi pengurusan sesuatu program/aktiviti seiring dengan kehendak universiti.

b) Penglibatan yang signifikan dan menyumbang kepada kejayaan sesuatu pelaksanaan program/

aktiviti pelajar sama ada sebagai Pengarah Program, Setiausaha Program atau apa-apa peranan dalam pelaksanaan program/aktiviti pelajar.

c) Program/aktiviti yang dilaksanakan atau disertai mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pejabat HEPA.

d) Program yang dilaksanakan dapat memberi faedah warga kampus secara khusus serta mengharumkan nama universiti.

e) Personaliti yang sentiasa memiliki sikap ingin bantu-membantu dan memiliki semangat kerjasama yang kuat secara konsisten.

Bagi calon-calon yang telah berjaya melayakkan diri, mereka akan melalui beberapa prosedur pemilihan. Pemilihan akan dilaksanakan oleh Panel Pemilih Malam Anugerah Kepimpinan Pelajar UMT yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA).

Penilaian adalah berdasarkan kepada rekod, laporan program/aktiviti dan laporan pemantauan yang disediakan oleh Pejabat HEPA. Pada masa yang sama juga penilaian turut dilaksanakan dengan kaedah 360° (secara menyeluruh) dengan penglibatan pelbagai pihak yang ditentukan oleh Panel Pemilih yang boleh memanggil calon pemenang untuk ditemu duga. Bagi mereka yang berjaya akan menerima sijil atau piala anugerah atau kedua-duanya sekali.



# Fenomena K-POP

oleh: Najib Bin Mohd Nasir

Sebahasyat mana gelombang K-Pop di Malaysia? Setahun dua ini, artis Korea boleh dikatakan bersilih ganti berkunjung ke sini. Samada untuk mempromosikan album atau drama, fans meeting, showcase mahupun konsert. Sebahasyat mana gelombang fenomena K-Pop di Malaysia? Sehebat mana penangan idola-idola pujaan dan sefanatik mana peminat-peminatnya? Semua orang tahu fenomena muzik K-Pop sangatlah mengujakan di seluruh dunia. Tidak kira di Korea, Jepun, China, Amerika dan juga Malaysia sendiri yang turut terkena tempias fenomena ini dengan kemunculan "boy band" seperti Max 24:7 yang tersasar sedikit. K-pop, atau Korean Pop ("warna Korea"), adalah jenis muzik popular yang berasal dari Korea Selatan. Keunikan muzik pop Korea yang dilihat seolah-olah agak 'segar' dan mempunyai keunikan yang tersendiri berbanding muzik pop lain telah menarik jutaan peminat untuk mengikutinya. Sementara itu, peranan popular muzik Korea dalam penyebaran budaya popular Korea di Asia juga sangat signifikan. Pada akhir 1990-an Channel V

telah memaparkan video-video muzik popular Korea dan telah memperoleh banyak peminat-peminat Asia terutamanya penglibatan kumpulan-kumpulan remaja dan sentimen Asia dalam muzik videonya. Kumpulan muzik H.O.T misalnya telah berjaya menduduki carta-carta utama di China dan Taiwan pada 1998 dimana jualan album mereka meningkat mendadak sungguhpun kumpulan ini telah berpecah pada pertengahan 2001. Kemudian diikuti pula, kumpulan-kumpulan remaja seperti NRG, S.E.S, Baby V.O.X, Fin K.L, G.O.D, Shinwa, Sech Kies yang sangat popular pada pertengahan dan penghujung 90an. Dengan kemunculan genre muzik R&B dan hip-hop dalam muzik Korea, artis-artis seperti MC Mong, ITYM, Rain, Big Bang, Epik High dan lain-lain artis telah menjadikan hip-hop popular. Muzik popular Korea atau K-pop telah menjadi terkenal seluruh dunia di atas kejayaan yang dicapai oleh artis seperti BoA yang mana merupakan artis Korea yang tertinggi jualan antarabangnya. Selain BoA, Rain, Se7en, Super Junior dan TVXQ antara

beberapa artis yang meraih populariti dan penjualan album yang memberangsangkan di luar Korea. Pada hari ini, artis-artis wanita Korea seperti Lee Hyori, Wondergirls, Girl's Generation dan Kara turut mulai diterima dikalangan peminat muzik Asia setelah meraih populariti di negara mereka sendiri. Menurut Hazzira, pelajar Diploma Perikanan tahun satu dan juga peminat K-pop, berpendapat yang K-pop amat popular di kalangan remaja terutamanya adalah kerana muziknya yang sehati dengan jiwa remaja sekarang ini seiring dengan peredaran masa. Bukti K-Pop telah mendapat respon dan diterima baik di negara ini adalah dengan adanya konsert-konsert mega yang ditaja oleh pihak tertentu bagi membawa artis-artis Korea ke sini. Antara konsertnya adalah Korean Music Wave Konsert yang dianjurkan bersama Galaxy Group yang berlangsung pada 24 September 2011 di Stadium Merdeka yang disaksikan 10 ribu penonton tempatan dan juga Konsert Super Junior pada bulan Mac 2010.

# 30 Bilion Bakteria Shirota Strain Hidup dalam Botol YAKULT ACE-ACE LIGHT



Yakult Ace



Yakult Ace Light

oleh: Nurul Najihah bt Busra

Yakult adalah probiotik berkualiti tinggi dalam bentuk minuman susu kultur. Yakult mengandungi bakteria probiotik "Lactobacillus casei Shirota" (dikenali sebagai "Shirota strain") dengan lebih 30 bilion strain Shirota hidup dalam setiap botol. Yakult mempunyai kepekatan probiotik tertinggi berbanding dengan produk probiotik lain di pasaran. Kebanyakan produk probiotik lain

mengandungi paling banyak 1 hingga 10 bilion bakteria hidup setiap hidangan berbanding yakult. Shirota strain terbukti secara saintifik dalam kalangan strain 'kuat' bakteria berfaedah dan telah terbukti dapat memberi manfaat kepada kesihatan manusia. Bacteria Yakult adalah unik, dipilih khusus untuk kesihatan kita. Di Jepun, Yakult diakui Kementerian Kesihatan Jepun sebagai "Makanan Kesihatan"

yang disokong oleh 75 penyelidik saintifik. Bacteria yang terdapat dalam minuman Yakult sangat kukuh dan boleh hidup melalui asid perut dan hempedu kita untuk sampai ke usus, di mana mereka menyokong kerja-kerja bakteria semula jadi yang berfaedah. Bacteria yakult terbukti dengan saintifik mempunyai kesan yang baik kepada kesihatan kita.

Yakult Ace	Yakult Ace Light
<p>Produk pertama untuk pasaran di Malaysia. Minuman susu kultur Yakult Ace, adalah versi minuman susu kultur standard yang terdapat di negara-negara lain di seluruh dunia. Yakult Ace mempunyai kepekatan yang lebih tinggi daripada bakteria bermanfaat Lactobacillus casei Shirota (3 kali lebih!) dan mengandungi nutrien tambahan seperti: kalsium, niasin dan vitamin B6, B12 dan D.</p>	<p>Produk terbaharu, Yakult Ace Light adalah minuman susu kultur yang mempunyai kepekatan Shirota strain yang sama tinggi seperti Yakult Ace iaitu 30 bilion di dalam setiap botol, tetapi dengan 50 peratus kurang gula dan lebih ringan. Rasanya kurang manis.</p> <p>Sama seperti Yakult Ace, Yakult Ace Light bebas lemak, kolesterol, pewarna, pengawet dan penstabil.</p>

info:

Yakult dihasilkan daripada bakteria yang berkualiti tinggi, dipilih dengan teliti bahan-bahan dari seluruh dunia dan dibungkus dalam mesin berteknologi tinggi tempatan, menggabungkan beberapa peralatan pemprosesan makanan terkini.

(Sumber: www.yakult.com)

# Mahasiswa dan Jalan Biawak

oleh : Hazzira Tarmuzi

UMT : Jalan biawak merupakan laluan alternatif bagi mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Terengganu. Jalan ini merupakan laluan bagi pejalan kaki dan penunggang basikal. Tetapi, sejak kebelakangan ini, banyak aduan yang kita dengar daripada mahasiswa-mahasiswi tentang masalah di jalan biawak.



**FATHIN WAHIDAH, 18 PELAJAR DIPLOMA PERIKANAN TAHUN 1**  
"Saya melihat usaha MPP bagi kempen Jom Hijau kurang menjadi kerana jalan biawak yang dahulunya kurang kelihatan sampah, sekarang apabila diletakkan tong sampah, terlalu banyak sampah dimasukkan sehingga melimpah-ruah. Oleh itu, saya mencadangkan agar pihak MPP membina tong sampah berbentuk kolam agar lebih banyak sampah boleh dimuatkan. Saya juga melihat keadaan pintu pagar yang dibuka kecil sehingga menyukarkan mahasiswa mahasiswi untuk lalu sehingga terpaksa beratur. Jadi, saya mencadangkan agar pintu pagar dibuka luas bagi memudahkan mahasiswa mahasiswi untuk keluar masuk dari jalan biawak malah

tidak menyusahkan penunggang basikal yang terpaksa untuk mengangkat basikal mereka dari jalan biawak. Akhir sekali, saya mencadangkan agar membuat tiang pembahagi antara pejalan kaki dan penunggang basikal agar melancarkan perjalanan kedua-dua belah pihak."



**NOR MUTMAINNAH, 18 DIPLOMA PERIKANAN TAHUN 1**  
"Pada pandangan saya usaha MPP amat mulia untuk mempertingkatkan keadaan jalan biawak. Tetapi, bermula dari kempen itu, sampah di jalan biawak makin banyak dan bertambah dan menyebabkan keadaan jalan biawak tidak sebersih dahulu. Tong sampah yang diletakkan tidak mencukupi untuk menampung sampah di jalan biawak. Apa yang saya lihat, setelah diletakkan tong sampah di jalan biawak, mahasiswa menjadi tidak bertanggungjawab dengan membuang sampah merata-rata apabila keadaan tong sampah penuh. Saya juga mengesyorkan supaya ada pihak yang akan mengutip sampah di jalan biawak apabila keadaan tong sampah telah penuh. Tambahan pula, apabila keadaan jalan biawak tidak bersih, ini akan menjejaskan rasa kelesaan pengguna jalan biawak. Seperti yang kita sedia maklum, jalan biawak merupakan jalan alternatif untuk mahasiswa ke kelas.



**NUR SYAFIQAH, 18 DIPLOMA PERIKANAN TAHUN 1**  
"Menurut pemerhatian saya, usaha MPP terhadap jalan biawak adalah sangat mulia, tetapi sikap segelintir mahasiswa yang tidak bertanggungjawab ini juga harus dipersalahkan kerana dengan adanya tong sampah di jalan biawak, mahasiswa akan kebersihan di jalan biawak. Sedangkan sebelum diletakkan tong sampah di jalan biawak, sampah kurang kelihatan di jalan biawak kerana masing-masing menyimpan sampah kerana tidak mahu mengotorkan jalan biawak. Oleh itu, menurut pandangan saya, keadaan jalan biawak lebih baik dengan ketiadaan tong sampah dibanding dengan adanya tong sampah. Keadaan jalan biawak yang berlubang juga sangat membahayakan penunggang basikal. Keadaan ini membahayakan apabila pengguna jalan biawak berselisihan antara satu sama lain. Lebih-lebih lagi antara penunggang basikal dengan penunggang basikal atau pejalan kaki dengan penunggang basikal. Saya sangat berharap pihak MPP akan mengambil berat keadaan jalan biawak yang berlubang ini bagi melancarkan perjalanan mahasiswa untuk menuntut ilmu."



**SITI ZULAIKHA, 18 DIPLOMA PERIKANAN TAHUN 1**  
"Bagi saya, keadaan jalan biawak semakin tidak selesa dengan kewujudan sampah sarap yang melimpah-ruah dan mengotorkan keadaan jalan itu. Saya berharap sangat ada pihak yang akan mengutip sampah-sarap di jalan biawak apabila keadaan tong sampah itu sudah penuh. Kalau perlu, tidak perlu untuk meletakkan tong sampah di jalan biawak kerana ini akan melatih mahasiswa untuk menjadi insan yang sangat mementingkan kebersihan. Mengenai keadaan pintu pagar utama jalan biawak, mengapakah pintu pagar itu tidak dibuka seluasnya? Sedangkan jalan biawak itu adalah untuk pejalan kaki dan penunggang basikal. Keadaan ini sangat menyukarkan pengguna jalan biawak kerana mereka perlu beratur untuk memasuki jalan biawak dan penunggang basikal perlu mengangkat basikal mereka untuk memasukinya. Keadaan ini juga akan melambatkan pergerakan mahasiswa-mahasiswi. Jika tidak mahu penunggang motosikal melalui jalan biawak, sekurang-kurangnya pintu pagar itu harus dibuka dengan luas dan rantai kunci pada pagar tersebut perlu direndahkan. Keadaan jalan biawak yang berlubang juga perlu diambil serius kerana ini mungkin akan membahayakan pengguna jalan biawak. Maklumlah malang tak berbau.

## Pilihan Raya Umum. Mahasiswa Perlu Aktif atau Menjadi Pemerhati?

oleh: Yusrina Omar

Tahun 2012 dijangkakan Pilihan Raya Umum (PRU) bakal berlangsung di seluruh Malaysia. Bukan tarikh PRU yang bakal diadakan yang ingin dijadikan topik utama untuk dibincangkan dalam Samudera UMT keluaran kali ini, tetapi penglibatan mahasiswa dalam bidang politik. Adakah ianya relevan jika dikatakan mahasiswa masa kini perlu melibatkan diri dalam PRU untuk membentuk mahasiswa yang peka akan keadaan sekeliling dan mampu untuk melahirkan mahasiswa yang berjiwa pemimpin.

Penglibatan mahasiswa terhad apabila rata-ratanya terikat dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang melarang mahasiswa untuk melibatkan diri dalam dunia politik. Namun pada 24 November 2011 Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat mengumumkan untuk meminda Seksyen 15 AUKU bagi membolehkan mahasiswa menjadi ahli parti politik. Tetapi adakah ini yang didambakan oleh mahasiswa yang ingin bebas dalam membuat keputusan dalam bidang politik?

Pemikiran mahasiswa yang kritis dan tidak sewajarnya hanya terkongkong dalam dunia akademik sahaja. Mereka juga perlu sensitif terhadap isu-isu semasa. Dengan kata lain, mahasiswa perlu terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan. Mahasiswa sedang membina kematangan semasa menjalani kehidupan di kampus. Walaupun sesetengah pihak menganggap bahawa dunia akademik tidak seharusnya

dicampur-adukkan dengan sebarang aktiviti yang tiada kaitan dengan akademik seperti aktiviti politik tetapi mereka harus ingat bahawa mahasiswa akan kembali kepada masyarakat pada suatu hari nanti.

Mohd Firdaus Osman yang merupakan presiden Majlis Sukan Pelajar (MSP) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyuarakan bahawa, peranan mahasiswa dalam masyarakat juga adalah sangat penting. Ini kerana kita juga yang akan mencorakkan dan akan memimpin negara kita pada masa akan datang. Justeru itu, dalam melestarikan matlamat ini, mahasiswa perlu diberi pendedahan dalam arena politik dalam menggerakkan jentera-jentera parti politik bagi memberi pengalaman dan pendedahan yang sempurna untuk melihat situasi sebenar. Oleh itu, peranan mahasiswa dalam suasana politik adalah amat penting dan berguna untuk masa akan datang.

Jawapan yang mahasiswa perlu berikan sama ada perlu aktif atau hanya menjadi pemerhati dalam PRU ini terletak atas matlamat mahasiswa itu sendiri. Tanpa paksaan dan ancaman yang perlu dilakukan kepada mahasiswa untuk membuat keputusan. Mahasiswa itu sendiri perlu tahu sejauh mana hak mereka perlu diketengahkan. Suara mahasiswa masa kini perlu seiring dengan keintelektualan minda mahasiswa. Mahasiswa tidak perlu menjadi hamba abdi kepada parti-parti politik sebaliknya mahasiswa perlu seiring bangun untuk membentuk negara ini sebagai negara yang akan mencapai matlamat 2020.



# Pemburuan Matematik



Antara acara yang dipertandingkan



Para peserta menunjukkan kerjasama dalam kumpulan untuk menyelesaikan tugas

oleh: Nurul Amirah Fuzi

**UMT** – 9  
Disember  
2011,  
bermulah satu pemburuan matematik yang dianjurkan oleh kelab HIMMAT. Bermula dengan perkataan buru dan matematik terhasilah satu perkataan burumatik yang membawa maksud pemburuan bersama matematik.

Permainan yang disertai oleh 30 peserta ini memerlukan setiap pasukan untuk menyelesaikan setiap permasalahan matematik di setiap *checkpoint*. Permainan ini, bukan sahaja menguji tahap pemikiran peserta untuk menyelesaikan masalah

bahkan ia menguji fizikal, emosi dan juga kerjasama antara setiap ahli dalam kumpulan.

Burumatik berbeza dengan *explorace* yang lain kerana, ia bukan bergantung kepada siapa yang cepat tetapi siapa yang banyak menyelesaikan setiap soalan dengan betul. Tambahan pula, setiap kumpulan hanya diberi masa selama 2 jam 15 minit untuk menyelesaikan setiap soalan di setiap *checkpoint*. Antara petunjuk untuk pergi ke setiap *checkpoint* ialah "Permaisuri di pusat sumber, Sultannya di mana?" yang menunjukkan tempat tersebut berada di Dewan

Sultan Mizan.

Selain itu, soalan IQ juga diberikan kepada peserta jika mereka tidak dapat menyelesaikan tugas yang diberi. Terdapat 7 *checkpoint* yang harus dilalui oleh peserta di mana setiap *checkpoint* mempunyai tahap penyelesaian yang berbeza.

Burumatik mendedahkan kepada pelajar bahawa matematik bukan sahaja boleh diselesaikan menggunakan satu kaedah. Pemenang tempat pertama ialah \_\_\_\_\_, tempat kedua pula dimenangi oleh Silent Math dan ketiga ialah Twisted Unknown.

# FESTKUM

(Festival Kebudayaan Universiti Malaysia)

# 2011:

# Merakytakan

# Kebudayaan



Kumpulan PERSADATARI di FESTKUM

Johor Bahru, 13 – 18 Disember 2011 – Festival Kebudayaan Universiti- universiti Malaysia pada tahun ini amat meriah sekali. Pada tahun ini juga sedikit pembaharuan dilakukan di mana setiap universiti tidak lagi dipertandingkan, tetapi mereka dipersembahkan di khalayak umum. Setiap universiti telah mempersembahkan persembahan masing-masing di beberapa tempat di sekitar Johor.

Pada 14 Disember 2011, mereka telah dibawa ke Felde Adela bertempat di Kota Tinggi untuk bersama masyarakat di sana. Di Felde Adela, pelbagai aktiviti dijalankan seperti sukaneka dan sukan rakyat bersama komuniti. Bengkel-bengkel yang dikelolai oleh Pusat Kebudayaan UMT turut diadakan. Antara jemputan yang dijemput adalah Nash, dari Lefthanded untuk memberi sedikit pengalaman

dan motivasi kepada mereka yang hadir.

Pada malam tersebut, diadakan persembahan gala. Seluruh universiti membuat yang terbaik untuk melonjakkan nama mereka sekali gus mempersembahkan kebudayaan mereka kepada masyarakat. Ini satu langkah yang terbaik, untuk mahasiswa merapatkan hubungan dengan komuniti luar selain bergotong-royong. Ramai yang turun padang menyaksikan persembahan dan sambutan amat menggalakkan apabila Nash Lefthanded menjadi artis jemputan dan Abol menjadi pengacara majlis.

Pada 16 Disember 2011, mereka pula dibawa ke Plaza Angsana untuk membuat persembahan di sana. Plaza Angsana merupakan salah satu tempat tumpuan masyarakat Johor menghabiskan masa membeli belah dan salah satu tempat strategik untuk

menarik penonton khususnya masyarakat Malaysia yang majmuk ini.

Pada hari terakhir, di Stadium Pasir Gudang telah diadakan malam gala penutup Festkum 2011. Pada malam ini, Menteri KPT, YBhg Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin turut merasmikan FESTKUM. Antara persembahan yang dipersembahkan adalah seperti dikir barat, nyanyian, *live band*, tarian Melayu, India dan Cina serta UMT turut sama mempersembahkan tarian rakyat Terengganu. Seluruh universiti memberi seratus peratus komitmen pada malam tersebut. Lebih memeriahkan lagi, persembahan jemputan khas dari negara seberang, Universiti Sumatera Utara mempamerkan persembahan negara mereka. FESTKUM ini diakhiri dengan zapan lambak di mana semua peserta FESTKUM menari zapan beramai-ramai.

## Kejohanan Sukan Pantai MASUM 2011

oleh: Nursyafiza binti Ramlan

Negeri Sembilan - Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Universiti Teknologi MARA dengan sokongan Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson, Majlis Perbandaran Port Dickson, Politeknik Port Dickson dan Majlis Sukan

Negeri Sembilan telah mengadakan Kejohanan Sukan Pantai MASUM bertempat di Pantai Bagan Pinang, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 1 hingga 4 Disember 2011. UMT telah menghantar kontinjen seramai 48 atlet dan 11

pegawai pengiring dalam menjayakan kejohanan pada kali ini.

Kejohanan pada kali ini telah melibatkan penyertaan daripada 20 IPT seluruh Malaysia dan melibatkan sebanyak 5 acara yang dipertandingkan seperti

bola sepak pantai, bola tampar pantai dan larian pantai bagi kategori lelaki dan wanita, bola jaring pantai bagi kategori wanita dan sepak takraw pantai bagi kategori lelaki.

Antara acara yang disertai oleh kontinjen UMT

ialah bola sepak pantai dan larian pantai kategori lelaki dan perempuan, bola jaring pantai wanita dan bola tampar pantai lelaki. Bagi acara bola sepak pantai kategori lelaki, kontinjen UMT berjaya mengungguli kedudukan

teratas dengan menewaskan pasukan UKM sebanyak 4-2 manakala untuk bola sepak pantai kategori wanita, kontinjen UMT telah berjaya menduduki tempat ketiga dalam kejohanan ini.

## Karnival Sukan Muhibah



Majlis Perasmian oleh Tuan Haji Rafee bin Jusoh



Permulaan Acara Larian Muhibah

UMT- Majlis Sukan Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pusat Sukan dan Rekreasi telah menganjurkan Karnival Sukan Muhibah yang berlangsung selama dua minggu bermula pada 8 hingga 17 Disember 2011.

Menurut Pengarah Program, saudara Mohd Firdaus bin Osman,

matlamat utama penganjuran program ini ialah untuk memupuk semangat kekitaan di kalangan mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai kaum. Semua peserta yang menyertai acara-acara yang dipertandingkan terdiri daripada pelbagai kaum. Di samping itu, sukan ini juga diadakan untuk menjadi

penanda aras tahap dan kualiti sukan di UMT selain menjadi medium dalam mencari atlet-atlet pelapis bagi mewakili UMT pada masa hadapan.

Program ini dirasmikan oleh Tuan Haji Rafee bin Jusoh bertempat di Kompleks Sukan UMT. Dalam ucapan beliau, Tuan Haji Rafee berharap agar

lebih ramai lagi mahasiswa yang terlibat dalam menyertai aktiviti sukan yang dianjurkan di universiti. Selain itu, beliau juga berharap agar lebih ramai lagi penyertaan mahasiswa dalam penganjuran Sukan Muhibah yang akan diadakan pada masa akan datang.

Sebanyak 13

acara sukan telah dipertandingkan. Antaranya badminton berpasukan, pingpong, bola jaring, squash, carom, street soccer, bola keranjang, bola tampar, takraw, congkak, catur dan larian muhibah. Dalam menghitung detik peperiksaan semester yang bakal tiba, penganjuran program ini merupakan satu

medium bagi pelajar untuk menghilangkan tekanan peperiksaan yang bakal tiba. Acara perasmian penutup telah disempurnakan oleh Encik Mohd Sahrizan Azrul bin Aziz, Pegawai Belia dan Sukan UMT.